

Usahakan ternakan lembu cara integrasi

UM - 8 DEC 2003

KLUANG 7 Dis. — Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, pemilik ladang kelapa sawit dengan kawasan sekurang-kurangnya 0.5 hektar (1.2 ekar) seharusnya mengusahakan ternakan lembu secara integrasi bagi meningkatkan hasil pendapatan di samping membantu kerajaan mengurangkan import lembu daging.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, ternakan lembu daging mampu memberi keuntungan yang berlipat ganda kepada pengusaha terbabit sekiranya diusahakan secara meluas.

“Kerajaan telah lama berusaha dan pelbagai langkah dilakukan untuk mengembangkan ternakan lembu bagi menampung keperluan bekalan daging tempatan di negara ini, tetapi ia tidak mendapat sokongan daripada pihak swasta.

“Manakala petani dan peladang tempatan yang mengusahakan kebun serta ladang kelapa sawit sendiri

tidak berminat, sedangkan usaha itu sebenarnya memberi pendapatan tambahan yang lumayan kepada mereka,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas meninjau pusat ternakan lembu daging di ladang ternakan yang diusahakan oleh syarikat swasta, Kris Agritech Sdn. Bhd. di Padang Hijau Jalan Mersing dekat sini hari ini.

Sikap tidak mahu memberi sokongan itu, kata beliau telah mengakibatkan kerajaan terpaksa mengimport kira-kira 2,000 ekor lembu setiap tahun untuk menampung keperluan bekalan daging tempatan dengan perbelanjaan tidak kurang daripada RM2 bilion.

“Tetapi jika kita dapat mengusahakan ladang ternakan lembu sendiri secara komersial, ia bukan sahaja dapat mengurangkan pengaliran wang ke luar negara malah meningkatkan ekonomi dan pendapatan negara,” jelasnya.

Menurut Dr. Mahathir, ke-

bun serta ladang kelapa sawit merupakan kawasan yang paling sesuai untuk diusahakan dengan ternakan lembu walaupun secara kecil-kecilan.

“Tetapi pengusaha ladang kelapa sawit kita nampaknya tidak berminat walaupun pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan untuk menjadikan ternakan lembu sebagai kegiatan sampingan.

“Manakala pihak swasta nampaknya baru sekarang menunjukkan minat untuk mengusahakan ladang ternakan lembu secara komersial ini,” katanya yang merujuk kepada Kris Agritech melalui usaha pembiakan lembu daging mengguna baka yang diimport dari Argentina.

Kris Agritech yang mengambil ladang ternakan yang diusahakan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan sebelum ini kini sedang mengembangkan pembiakan 1,500 ekor lembu daging jenis Brangus yang diimport dari Argentina.

Menurut Dr. Mahathir, lembu jenis Brangus yang mempunyai timbangan sehingga 450 kilogram seekor pada usia matang itu mempunyai nilai komersial dan mutu daging yang tinggi berbanding dengan lembu tempatan dan baka-baka import lain.

“Kita berharap, lebih banyak syarikat swasta akan tampil untuk mengusahakan ladang ternakan secara komersial begini bagi menampung bekalan daging bermutu untuk pasaran tempatan di samping akan ada petani dan peladang tempatan yang akan turut mengusahakan ternakan lembu di ladang-ladang kelapa sawit mereka,” jelasnya.

Dr. Mahathir meluangkan masa kira-kira lima jam untuk meninjau dari dekat ladang ternakan lembu daging secara komersial pertama yang diusahakan oleh pihak swasta itu. Beliau diiringi oleh Pengerusi Kris Agritech, Tan Sri A.P. Arumugam.